



## 1031 ANALISIS KEPERLUAN MODEL PSIKOLOGI KOMUNIKASI ISTERI BERMADU MENGURUS KONFLIK RUMAH TANGGA

Mariam Abd Majid<sup>1</sup>, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah<sup>1</sup>, Sahlawati Abu Bakar<sup>1</sup>, Mohd  
Ridhuan Mohd Jamil<sup>2</sup>, Salasiah Hanin Hamjah<sup>3</sup>, Zulkefli Aini<sup>3</sup> & Naqibah Mansor<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia.

<sup>2</sup> Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

<sup>3</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Corresponding Author: Mariam Abd. Majid. Department of Dakwah and Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0193501617. Email: mariam@kuis.edu.my

### Abstrak

*Konflik merupakan asam garam dalam kehidupan rumah tangga, lebih-lebih lagi bagi rumah tangga bermadu. Artikel ini bertujuan mengemukakan keperluan terhadap pembangunan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga. Dalam kajian pembangunan model, analisis keperluan perlu dijalankan bagi memastikan model yang dibangunkan memenuhi keperluan sasaran model. Fasa ini dijalankan dengan mengenal pasti keperluan dan spesifikasi model yang dibangunkan. Analisis keperluan model ini dijalankan terhadap 5 isteri bermadu dan 1 orang suami berpoligami. Data diperolehi melalui temu bual separa berstruktur dan teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Transkripsi data temu bual dianalisis bagi membentuk tema dan sub tema dan proses keesahan dilakukan menerusi pengiraan Cohen Kappa. Analisis data mengutarakan empat tema dan sub tema utama, iaitu: (1) Kewujudan konflik dalam rumah tangga bermadu, (2) Faktor-faktor berlakunya konflik rumah tangga, (3) Kaedah dilakukan dalam mengurus konflik rumah tangga, dan (4) Keperluan pembangunan model. Model ini boleh dijadikan panduan dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu.*

**Kata kunci:** Model; Psikologi Komunikasi; Isteri Bermadu; Mengurus Konflik; Rumah Tangga

### 1. Pengenalan

Rumah tangga dibina hasil suatu ikatan perkahwinan. Pembinaan rumah tangga yang bahagia dan harmoni menuntut kesabaran kekuatan serta kebijaksanaan kedua pihak suami mahupun isteri dalam mengendalikannya. Keadaan ini menjadi lebih mencabar apabila rumah tangga yang terbina itu adalah rumah tangga bermadu iaitu suami yang memiliki lebih daripada seorang isteri. Konflik rumah tangga dalam kalangan suami dan isteri bermadu merupakan antara cabaran getir yang sukar dielakkan. Namun ianya perlu diurus dengan sebaiknya dalam usaha mengekalkan keharmonian sesebuah rumah tangga. Aspek komunikasi adalah antara salah satu faktor penyumbang terhadap keharmonian hubungan sesebuah rumah tangga. Suami isteri mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam kehidupan berumah tangga. Pasangan suami dan isteri perlu menyedari, tahu dan faham tujuan perkahwinan sekaligus bersedia memikul tanggungjawab serta peranan yang diamanahkan. Sebarang konflik yang wujud ekoran masalah yang timbul berkaitannya perlu sentiasa dibawa berbincang dari hati ke hati (Fadilah, 2016). Pendekatan yang penuh hikmah dan bijaksana penting diaplikasi dalam mengurus konflik yang



berlaku dalam rumah tangga. Psikologi komunikasi merupakan salah satu pendekatan dalam komunikasi yang mengutarakan kaedah psikologi dalam proses komunikasi khususnya dalam penyampaian mesej menjadi lebih efektif (Miller, 1982). Adalah dilihat, integrasi pendekatan psikologi dalam komunikasi dalam mengurus konflik rumah tangga khususnya rumah tangga bermadu adalah efektif dan sesuai. Justeru, artikel ini mengemukakan data-data bagi menganalisis keperluan bagi pembangunan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga.

## **2. Analisis Keperluan Sebagai Fasa Permulaan Kajian Pembinaan Model**

Analisis keperluan dilaksanakan terhadap sasaran fokus pembangunan model. Fasa analisis keperluan adalah sebahagian daripada proses kajian reka bentuk dan pembangunan model. Menurut Richey dan Klein (2007), kekuatan kajian reka bentuk dan pembangunan model ialah penyelesaian masalah dalam konteks yang spesifik. Analisis keperluan ialah fasa permulaan kajian iaitu maklumat dalam konteks dan persekitaran yang hendak dikaji dikumpulkan (Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin, 2013). Kajian analisis keperluan dilakukan sebelum model dibangunkan untuk mengetahui keberangkalian berlakunya permasalahan (Branch, 2009) dan melakukan apa yang perlu untuk menyelesaikan masalah (Reinbold, 2013). Fasa analisis keperluan memberikan maklumat penting dalam menentukan reka bentuk dan pembangunan model dalam fasa seterusnya (Gagne et al., 2005). Dalam konteks data artikel ini, kajian analisis keperluan dilakukan terhadap pasangan rumah tangga bermadu pada permulaan fasa kajian pembangunan model bagi mengetahui kewujudan, faktor dan kaedah yang dilakukan isteri bermadu mengurus konflik dalam rumah tangga serta keperluan mereka terhadap pembangunan model.

## **3. Pernyataan Masalah**

Proses komunikasi adalah satu keperluan fitrah manusia (Rosni, Jamiurrasyid, Rafiza, & Khodijah, 2015). Kewujudan konflik dalam komunikasi adalah asam garam dalam kehidupan manusia (Mohd Fuad Salleh, 2011). Konflik wujud ekoran kelemahan proses komunikasi yang berlaku. (Cherni Rachmaadani, 2013). Hakikat yang perlu diakui bahawa konflik sukar dielakkan namun ia perlu diurus bagi mengelakkan implikasi negatif berlaku. Konflik boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang disebabkan oleh perbezaan, kepercayaan, ideologi, fahaman, adat istiadat, kepentingan diri atau kaum dan sebagainya (Bharuddin Che Pa, Ajidar Matsyah 2013). Fenomena konflik ini seringkali berlaku dalam komunikasi rumah tangga, keluarga, organisasi serta masyarakat. Keharmonian institusi rumah tangga menyumbang terhadap keharmonian masyarakat dan negara. Oleh itu, kewujudan konflik dalam rumah tangga penting diberi perhatian dan diurus sebaiknya. Kegagalan dalam mengurus konflik memberi kesan negatif seperti kepincangan institusi keluarga yang memberi kesan terhadap pembangunan anak-anak, masyarakat dan juga negara.

Gangguan dikenalpasti merupakan antara punca berlakunya konflik dalam sesebuah rumah tangga. Aspek gangguan sukar dielakkan kerana ianya wujud sama ada daripada faktor luaran yang tidak dapat dikawal mahupun faktor dalaman yang boleh dikawal. Faktor luaran seperti persekitaran, pihak ketiga atau keluarga, majikan dan faktor dalaman seperti emosi yang



tidak stabil, perasaan cemburu dan seumpamanya menjadi penyebab munculnya konflik rumah tangga (Nurhanisah & Raihanah, 2016).

Kajian Fadilah Ismail (2016) menyatakan faktor komunikasi lemah, kewangan, penderaan fizikal dan mental, kelemahan ikatan kekeluargaan, penampilan diri adalah antara faktor yang menyumbang kepada konflik dalam rumah tangga dan dalam keadaan yang serius ianya boleh menjurus ke arah keruntuhan rumah tangga. Oleh itu, sebarang konflik, masalah, perbezaan yang wujud dalam rumah tangga perlu diurus dengan sebaiknya. Konflik yang dihadapi boleh diurus menerusi akal dan petunjuk yang diberikan oleh Allah SWT (Muhammad Nubli, 2008).

Demikianlah, konflik dalam rumah tangga sering dihadapi oleh kebanyakan pasangan suami dan isteri dalam rumah tangga apatah lagi bagi rumah tangga bermadu. Konflik yang berlaku itu perlu diurus dengan baik. Sebaliknya, jika konflik tidak diurus, ia boleh memberi implikasi seperti pergaduhan, kepincangan institusi keluarga, pengabaian anak-anak malahan lebih serius ia boleh membawa perceraian terhadap rumah tangga. Komunikasi yang lemah dan tidak berkesan boleh menimbulkan pelbagai padah dan kesan negatif kepada penerima atau pemberi maklumat (Che Rabiaah et al., n.d.).

Pengurusan konflik dalam komunikasi melibatkan dua peranan utama iaitu penyampai mesej serta pihak yang menerima mesej. Elemen mesej dan gangguan turut perlu diberi perhatian kerana memberi impak dalam kewujudan konflik yang berlaku. Dalam konteks rumah tangga, proses komunikasi melibatkan peranan suami, isteri dan keluarga. Pendekatan psikologi sesuai diaplikasi pengurusan konflik rumah tangga (S. Ramaraju, 2012). Oleh itu, model yang dibangunkan ini, sesuai untuk diguna pakai sebagai panduan bagi pasangan rumah tangga bermadu dalam mengurus konflik sekali gus menjalankan peranan sebagai suami, isteri dan keluarga yang terlibat.

#### 4. Objektif

Kajian ini dilakukan berdasarkan keperluan untuk mendapatkan data sebelum menghasilkan pembinaan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga. Analisis keperluan ini dilakukan bagi mengenal pasti keperluan model dibangunkan dan dinilai dalam fasa seterusnya (Saedah et al., 2013). Jadi, objektif kajian analisis keperluan dilakukan bagi mendapatkan data berkaitan keperluan model dan spesifikasi model yang akan dibangunkan. Jadual 1 menunjukkan struktur instrumen temubual yang menjelaskan objektif dan persoalan yang perlu dijawab dalam memenuhi analisis keperluan bagi pembangunan model ini.

Jadual 1: Objektif dan persoalan kajian bagi fasa analisis keperluan

Objektif	Persoalan
Mengenal pasti keperluan model psikologi komunikasi isteri bermadu (PsiKoMadu) mengurus konflik rumah tangga	1. Adakah wujud konflik dalam rumah tangga bermadu? 2. Apakah faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu? 3. Bagaimana kaedah yang dilakukan untuk mengurus konflik rumah tangga bermadu?



4. Adakah terdapat keperluan pembangunan model psikologi komunikasi isteri bermadu (PsiKoMadu) mengurus konflik rumah tangga?

## 5. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara separa struktur terhadap 5 orang isteri yang bermadu dan seorang suami yang berpoligami. Teknik pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan memilih informan daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria pasangan bermadu iaitu isteri yang bermadu dan suami yang mempunyai madu. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih seorang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informen untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

Jadual 2 Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Dakwah dan Kaunseling Islam	0.72
2	Pakar B	Dakwah dan Komunikasi Media	1.00
3	Pakar C	Komunikasi	0.31
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)			0.68

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.68 dan berdasarkan kepada Jadual 3 di bawah, nilai  $k = 0.68$  berada pada skala sederhana.

Jadual 3 Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana



Sumber: Kamarul Azmi (2012)

Dalam menjalankan fasa analisis keperluan, terdapat enam langkah yang diperlukan bagi melaksanakan proses ini. Langkah-langkah ini adalah berdasarkan kepada model analisis keperluan. Dalam konteks kajian ini, analisis keperluan diadaptasi daripada Siti Farhah (2015). Model yang dikemukakan oleh beliau adalah daripada Rossett (1987) iaitu Model *Training Needs Assessment* dengan menggunakan pendekatan penilaian berasaskan tujuan (*Purpose Based Assessment*). Pemilihan model analisis keperluan Rossett (1987) ini adalah kerana model ini memfokuskan kepada perancangan sistema dan sub tematik dalam mengkaji pencapaian masalah seseorang atau suatu komuniti. Pendekatan ini turut menekankan keperluan untuk memahami masalah yang dikaji sebelum mencari penyelesaian kepada masalah tersebut (Siti Farhah, 2015).

Enam langkah asas dalam menjalankan analisis keperluan adalah seperti berikut:

**Langkah Pertama:** Menilai atau mengenal pasti konteks masalah yang wujud iaitu penulis mengenal pasti sumber atau elemen masalah yang mungkin terlibat.

**Langkah Kedua:** Menentukan tujuan analisis keperluan yang dijalankan agar keseluruhan proses itu jelas.

**Langkah Ketiga:** Pemilihan teknik dan instrumen untuk pengumpulan data. Dalam konteks kajian ini, instrumen temu bual digunakan.

**Langkah Keempat:** Membangunkan perancangan analisis keperluan.

**Langkah Kelima:** Membangunkan protokol temu bual.

**Langkah Keenam:** Komunikasi hasil dapatan. Dalam langkah ini, dapatan dalam keseluruhan proses dibentangkan dan dianalisis.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan teknik temu bual separa struktur iaitu dengan menemu bual informan pasangan bermadu. Dalam fasa analisis keperluan ini, pengkaji menemu bual informan berkenaan kewujudan konflik dalam kalangan isteri bermadu, faktor dan kaedah yang dilakukan oleh suami isteri dalam menangani konflik dalam rumah tangga serta keperluan membangunkan model psikologi komunikasi isteri bermadu.

## 6. Dapatan Kajian

Kajian analisis keperluan memerlukan pengkaji melakukan pengumpulan maklumat tentang konteks dan situasi kajian daripada informan iaitu pasangan bermadu.

### 6.1 Demografi informan analisis keperluan

Dalam menjalankan analisis keperluan ini, enam informan yang terdiri daripada isteri bermadu dan suami ditemu bual. Berikut merupakan demografi bagi setiap informan kajian.

Jadual 4: Perbandingan Latar Belakang Pasangan Bermadu dari Aspek Jantina, Tempoh Bermadu, Bilangan Anak dan Status

Peserta kajian	Jantina	Pengalaman poligami/bermadu	Bilangan anak	Status
PK1	Perempuan	10 tahun	3 orang	Isteri kedua
PK2	Perempuan	4 tahun	1 orang	Isteri kedua
PK3	Perempuan	11 bulan	3 orang	Isteri pertama
PK4	Perempuan	28 tahun	7 orang	Isteri kedua



PK5	Perempuan	28 tahun	8 orang	Isteri pertama
PK6	Lelaki	4 tahun		Suami

Sumber: Temu bual dan analisis dokumen daripada maklumat butiran peribadi informan iaitu pasangan bermadu. Profil peserta kajian dalam Jadual 4 memberi gambaran mengenai jantina, tempoh bermadu, bilangan anak dan status.

## 6.2 Tema dan sub tema analisis keperluan

### 6.2.1 Kewujudan konflik dalam rumah tangga bermadu

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, informan menyatakan wujud konflik dalam rumah tangga bermadu. Hal ini menjawab persoalan pertama bagi objektif analisis keperluan. Seramai enam informan menjelaskan bahawa wujudnya konflik dalam rumah tangga bermadu yang terbina.

### 6.2.2 Faktor-faktor berlaku konflik rumah tangga

Beberapa faktor dinyatakan oleh informan apabila ditanya berkaitan apakah antara faktor berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu.

#### 6.2.2.1 Hilang Kepercayaan

Faktor konflik berlaku dalam rumah tangga ialah isteri hilang kepercayaan terhadap suami. Ini berlaku kerana suami menyembunyikan perkahwinan kedua daripada pengetahuan isteri pertama. Perkara ini dipersetujui oleh PK2 yang menyatakan bahawa isteri pertama sudah tidak mempunyai kepercayaan terhadap suaminya; *“perasaan madu saya terhadap suami saya tuu memang adalah orang kata tu kuranglah nak kata tu kepercayaan nya kepada suami saya”* (2675:2800). PK2 menjelaskan lagi; *“dia cakap dah sendiri yang dia tak percaya dah dengan suami”* (2803:2861).

Selain itu, faktor konflik hilang kepercayaan ini bukan hanya berlaku kepada isteri pertama, malah ia turut berlaku dalam kalangan anak-anak isteri pertama terhadap bapanya. Anak-anak hilang kepercayaan sehingga timbul perasaan tidak suka kepada bapa kandung sendiri. Menurut PK3; *“anak-anak tidak suka suami”* (670:696). Hal ini demikian menurut beliau, anak-anak tidak merestui perkahwinan kali kedua bapa mereka; *“anak-anak tidak boleh terima”* (1035:1062).

#### 6.2.2.2 Cemburu

Perasaan cemburu turut dinyatakan sebagai antara faktor konflik terjadi dalam kalangan para isteri bermadu. Menurut PK 1; *“ermm memang ada. Sebab tu saya cakap, sebagai manusa biasa memang ada. Kita rasa macam suami kita sayang dia ke, sayang dia lebih...”* (2:767 [2:898]).

#### 6.2.2.3 Fitnah

Berlakunya fitnah dalam keluarga bermadu juga bukan suatu perkara yang mustahil. Menurut PK2 faktor konflik berlaku ialah ketika isteri pertama mendapat tahu perihal perkahwinan suaminya telah berkahwin lagi; *“apabila madu saya mula-mula bila dia dapat tahu macam-macam dia kata pada saya terutama bila dia telefon dan macam-macam dia kata...”*





(4786:4940). Malah, isteri pertama tersebut turut meresapkan perkara negatif dan tohmahan berkenaan isteri kedua kepada anak-anaknya; *“dia kata pada anak-anak jangan buat macam tu... haa macamtulah, macam saya nie contoh yang tak baiklah bagi dia orang”* (5175:5290).

#### **6.2.2.4 Pembahagian Masa**

Keculasan para suami dalam menentukan giliran para isteri juga adalah antara faktor konflik terjadi. Menurut PK1; *“haaa dan perkara kedua adalah giliran beraya yang seingat saya giliran beraya haa yang saya dapat haaa yang dapat pada raya pertama hanyalah pada tahun kedua tak silap perkahwinan”* (2952:3131).

#### **6.2.2.5 Tidak Puas Hati**

Dalam kehidupan rumah tangga bermadu, konflik wujud kerana suami atau isteri melarikan diri dari masalah. Masalah tidak akan selesai sekiranya tidak dibawa berbincang. Malahan menjadi semakin serius apabila perkara itu diungkit dan tidak berkesudahan. Menurut PK6; *“kalau masalah poligami ni sebelum tidur buat penyakit yang sama perempuan bebel-bebel haaa bangun-bangun tidur, buka mata pun mula membebel”* (2534:2671).

#### **6.2.2.6 Pengabaian Kesihatan**

Punca konflik rumah tangga turut berlaku sekiranya pihak suami tidak mempedulikan kesihatan para isteri. Menurut PK3 selaku isteri pertama menyatakan; *“masalah kesihatan, suami tidak ambil tahu kesihatan saya”* (898:953). Sekiranya perkara seperti ini dibiarkan, keharmonian sebuah keluarga itu tidak dapat dicapai.

#### **6.2.2.7 Pengabaian Nafkah**

Para suami perlu berlaku adil terhadap para isteri. Pengabaian nafkah turut menjadi salah satu punca konflik dalam rumah tangga. Isteri terpaksa menyara diri sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup. Hal ini dinyatakan oleh PK3, iaitu isteri pertama; *“saya terpaksa berkerja untuk sara hidup, beli ubat dan makanan keperluan saya”* (956:1033).

#### **6.2.2.8 Pengurusan Masa**

Pengurusan masa merupakan aspek yang sangat penting dalam hidup rumah tangga bermadu. Pengabaian terhadap pengurusan masa kerap kali menjadi faktor berlakunya konflik. PK1 iaitu isteri kedua menyatakan; *“cabaran dia lebih kepada hmmm pembahagian waktu, pembahagian waktu terutamanya pada hujung minggu dan pada waktu kenduri kendara dan pada giliran raya, kerana pada awal-awalnya sangat susah untuk bagi masa untuk hmm pergi kenduri belah isteri pertama atau isteri kedua”* (2679:2950). Perkara ini turut dinyatakan oleh informan lain antaranya PK2 iaitu isteri kedua yang menyatakan; *“bagi saya, yang paling saya rasa berat untuk saya hadapi ialah dari segi dia membahagikan masa antara isteri pertama dengan saya”* (3742:3890), malah beliau turut menambah; *“sebab sekarang hanya dia datang haaa bila dia dapat datang...”* (3892:3953). Informan seterusnya juga, PK3 turut menyatakan bahawa suami beliau jarang pulang ke rumah; *“suami jarang balik ke rumah”* (701:727). Selain itu, PK6 selaku suami mengakui bahawa pembahagian masa merupakan cabaran untuk beliau dalam berpoligami; *“tapi kekangan yang paling jelas adalah mahu bahagikan masa dengan komitmen yang ada dan kerja yang ada dengan... Iya ana yang di bagi masa sepenuhnya”* (3252:3545).



### **6.2.2.9 Penyesuaian Diri**

Konflik yang berlaku pada awal perkahwinan bermadu disebabkan kerana kurang dapat menyesuaikan diri. Menurut PK1 iaitu isteri kedua menyatakan kesukaran untuk menyesuaikan diri begitu juga hal yang sama yang berlaku terhadap madunya; *“kelonggaran dan kefahaman dari isteri pertama untuk sama-sama menyesuaikan diri”* (1410:1488).

### **6.2.2.10 Salah Faham**

Berlakunya salah faham dalam sesebuah rumah tangga bukanlah perkara yang asing. Menurut PK4, salah faham berlaku juga dalam hubungan antara sesama madu dan suami, tetapi tidaklah terlalu tegang; *“salah faham macam tu, gaduh apa tak ada... Tapi kalau sikit-sikit tu ada la”* (2:610 [2:684]). PK5 turut mengiyakan hal ini; *“kalau ada tu la salah faham sikit tu memang ada la dalam rumah tanggakan”* (3:523 [3:596]).

### **6.2.2.11 Tiada Komunikasi Sesama Madu**

Tiada komunikasi sesama madu kadangkala menyebabkan konflik berlaku dalam rumah tangga keluarga berpoligami. Komunikasi lisan perlu dalam keadaan-keadaan tertentu bagi menyelesaikan sesuatu isu seandainya berlaku. Menurut PK3; *“saya tidak pernah ada berhubung dengan madu saya”* (774:821). Persefahaman penting bagi mengurus konflik dalam kalangan madu. Sebahagian madu tidak berkomunikasi secara verbal namun secara tidak langsung komunikasi non verbal berlaku dengan wujudnya rasa persefahaman di antara mereka.

Demikianlah antara faktor konflik berlaku dalam rumah tangga bermadu yang dinyatakan oleh informan bagi persoalan kedua kajian analisis keperluan pembinaan model ini.

## **6.2.3 Kaedah mengurus konflik rumah tangga bermadu**

Pelbagai kaedah dinyatakan informan dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu.

### **6.2.3.1 Berbincang**

Berbincang antara sesama madu dan suami merupakan salah satu kaedah dalam menangani konflik yang berlaku dalam rumah tangga. Menurut PK6; *“konflik dapat diselesaikan dengan baik dengan hikmah dengan mesyuarat”* (3300:3361). Perkara ini turut dinyatakan oleh PK5 berkaitan kaedah perbincangan adalah antara yang dilakukan bagi mengurus konflik; *“jadi kita... bila kita tak faham tu, kita jumpa balik bertiga ha duduk balik bersembang”* (3:1127 [3:1213]).

### **6.2.3.2 Berlapang Dada**

Sifat berlapang dada antara sesama madu perlu wujud dalam rumah tangga bermadu. Ia adalah salah satu kaedah mengurus konflik agar tidak menyakitkan hati. PK5 menyatakan; *“tapi sekarang ni Umi dah kena lapang apa... kena apa orang kata kena releasekan, kalau tak sakitkan”* (2:1596 [2:1695]).

### **6.2.3.3 Bertolak Ansur**

Bertolak ansur juga merupakan langkah atau kaedah yang perlu dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Menurut PK2; *“haaa apa orang kata, kita bertolak ansur, kita bagi peluang”* (7564:7622); *“jangan mendesak”* (7743:7757).





#### **6.2.3.4 Cari Waktu Sesuai Untuk Berbincang**

Dalam rumah tangga bermadu, para isteri dan suami perlu mencari waktu yang sesuai untuk mengadakan perbincangan. Sekiranya mengikut nafsu amarah, sudah tentu konflik atau salah faham yang berlaku menjadi lebih serius. Perkara ini diakui oleh PK5 yang menyatakan; *“kalau saya gaduh dengan dia pun ada apa yang selisih tak faham tu saya memang diam. Pastu dah reda sikit, baru kita cakap balik”* (6:797 [6:926]).

#### **6.2.3.5 Jaga Hati**

Pandai menjaga hati para isteri merupakan kaedah mengurus konflik daripada berlaku dalam rumah tangga bermadu. Menurut PK6; *“haa kadang-kadang kita ni terpaksa buat-buat lapar jugak, pergi rumah bini pertama tanya dah makan? Kita kata belum makan, haa padahal dah makan. Bini kedua tanya dah makan? Haa belum. Haa tapi dah makan pun, tapi kena jawab tak makan lagi. Sebab apa? Kena jaga hati-hati 2 – 2 anak tu yang kena makan juga”* (1843:2149)

#### **6.2.3.6 Menghargai Isteri**

Kaedah lain dalam mengurus konflik rumah tangga adalah tidak memilih kasih dan tidak membandingkan isteri pertama dengan isteri kedua dan seterusnya. Menurut PK6; *“jangan pernah ceritakan baiknya isteri yang satu depan isteri yang ini. Haa jangan cerita buruk isteri yang ini depan isteri yang ini”* (4511:4645).

#### **6.2.3.7 Redha dengan Qada' Qadar**

Perkara yang nampak mudah tapi paling sukar dan berat untuk dilakukan adalah mewujudkan perasaan redha dalam menerima ketentuan Allah. Rasa redha terhadap ketentuan Allah SWT hakikatnya adalah kaedah terbaik tarbiyah daripada Allah SWT dalam usaha mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. PK2 menyatakan; *“dia dah redha dan dia dapat terima saya sebagai madu dia”* (1887:1941). Perkara ini turut diujarkan oleh PK3; *“tiada yang manis, tawar, kecewa namun redha dengan ketentuan Allah SWT”* (505:536).

#### **6.2.3.8 Sabar**

Sifat kesabaran merupakan kunci ketahanan diri terutama dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Menurut PK2; *“saya yang banyak bersabar berbanding dengan madu saya”* (1643:1696). Perkara ini juga turut dinyatakan oleh PK5 yang mengakui bahawa madunya sendiri mendakwa bahawa beliau sangat penyabar dalam rumah tangga; *“dia cakap macam tu saya ni banyak sabar”* (6:638 [6:676]). Kenyataan ini menunjukkan bahawa sifat sabar penting dimiliki oleh semua madu.

#### **6.2.3.9 Sokongan Suami**

Sokongan suami merupakan perkara penting dalam hidup berumah tangga lebih lagi dalam keluarga bermadu. Suami perlu sentiasa menyokong dan kreatif menggalakkan isteri untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah bagi mengelakkan perkara-perkara yang negatif terjadi. Menurut PK1; *“suami memang sentiasa support apa yang isteri pertama buat”* (2509:2566); *“suami sentiasa menggalakkan perkara itulah”* (2635:2676).



### **6.2.3.10 Tiada Campur Tangan Ahli Keluarga**

Usaha mengelakkan campur tangan ahli keluarga dalam urusan keluarga bermadu merupakan antara kaedah penting dalam mengurus konflik. Menurut PK5; “*saya punya keluarga pun tak ada masuk campur. Diorang pun tak kesah an... Keluarga saya pun okay... Macam tula*” (4:491 [4:597]).

### **6.2.3.11 Menjaga/Menyimpan Rahsia Rumah Tangga**

Kaedah seterusnya dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu adalah tidak menceritakan perihal rahsia rumah tangga kepada orang luar. Menurut PK4; “*kalau dengan saudara saya tak pernah kalau nak cerita-cerita ni memang kita orang tak pernah bercerita hal keluarga saya tak pernah cerita pada orang lain*” (3:250 [3:405]). PK5 juga menyatakan hal yang sama; “*sampai harini kan diorang apa-apa hal pun saya pun kalau ada rumah tangga ke apa kan, saya tak pernah cerita pada diorang, jenis cerita dekat mak je*” (4:855 [4:1003]). Kenyataan ini menjelaskan bahawa sikap menjaga rahsia rumah tangga sangat penting bagi mengelakkan berlakunya konflik dalam rumah tangga bermadu namun ia boleh dikongsi bersama ahli keluarga yang dipercayai dan boleh memberi panduan atau nasihat seperti ibu.

### **6.2.3.12 Menghadkan Pergaulan dengan Orang Luar**

Dalam beberapa keadaan tertentu, konflik rumah tangga bermadu dapat diminimumkan menerusi menghadkan aktiviti sosial. Aktiviti soial kadang-kala mengundang perkara-perkara negatif atau pemikiran negatif orang luar yang menanam hasutan negatif terhadap keluarga bermadu. Menurut PK4; “*saya jarang bergaul dengan orang luar kecuali saya aaa bergaul dengan orang cuma atas urusan business*” (3:67 [3:170]).

Demikianlah antara kaedah yang dinyatakan berkaitan kaedah-kaedah yang dilaksanakan bagi mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu yang dilalui.

## **6.2.4 Keperluan membangun model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga.**

### **6.2.4.1 Kelompok Sasaran Sangat Memerlukan**

Berdasarkan transkripsi temu bual yang dilakukan, majoriti informan kajian bersetuju terhadap keperluan membangunkan model psikologi komunikasi isteri bermadu (PsiKoMadu) sebagai panduan dalam mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu. PK1 menyatakan; “*hmmm iya, saya setuju dia menjadi jadikan sebagai modul atau model kepada masyarakat*” (5373:5458). PK2 juga turut bersetuju dengan menyatakan; “*yess, yess*” (9478:9488); “*haaa saya rasa memang perlu lah*” (8460:8491). Selanjutnya PK3 menambah bahawa wujud keperluan mmbangunkan model ini dengan menyatakan ; “*perlu*” (1378:1382), disokong oleh PK5; “*haa ye bagus tu*” (6:1658 [6:1672]); “*haa perlu, bagus. Memang satu benda yang bagus la*” (7:320 [7:371]).

### **6.2.4.2 Berfaedah**



Menurut para informan, terdapat banyak faedah dan manfaat menerusi pembangunan model psikologi komunikasi isteri bermadu mengurus konflik rumah tangga ini. Menurut PK1; *“kajian ini boleh dikembangkan dan boleh di diteruskan sebagai ia modul atau model sebagai panduan”* (5111:5212), tambah beliau lagi; *“mungkin boleh memberi atau haaa mengurangkan stigma masyarakat yang memandang poligami itu hanyalah yang buruk-buruk sahaja yang pahit-pahit sahaja”* (5224:5370). PK2 turut menyuarakan pendapat beliau bahawa; *“sesuailah diadakan satu modul sebab kadang-kadang kita ni tak tahu di mana kita nak rujuk”* (8496:8585), katanya lagi; *“supaya keluarga yang berpogami ni contohnya harmoni lah”* (9507:9563) dan *“haa mungkin kalau modul nie ada mungkin boleh lah membantu terutamanya sekarang kalangan muda mudi kan dan kami yang peringkat tua nie lain dah. Dan memang mereka tidak dapat menghadapi kalau sekiranya berlaku pada dia orang”* (9864:10086). Seterusnya PK4 turut menyatakan; *“sebagai panduan kepada suami berpogami dan madu antara madu yang hidup bersama”* (1385:1465).

## 7. Kesimpulan

Kajian analisis keperluan dilaksanakan menerusi pengumpulan maklumat dalam konteks dan situasi kajian daripada pasangan bermadu yang juga merupakan pengguna sasaran model. Data diperolehi pada peringkat analisis keperluan diperolehi menunjukkan wujud konflik dalam rumah tangga bermadu ekoran pelbagai faktor. Usaha-usaha mengurus konflik dinyatakan menerusi pelbagai kaedah.. Majoriti informen menyatakan persetujuan bagi pembangunan model sekaligus menjadi petanda keperluan membangunkan model psikologi komunikasi dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu. Sehubungan itu, spesifikasi pembangunan model ini perlu mengambil kira faktor konflik dan permasalahan dalam konteks rumah tangga bermadu yang berlaku. Di samping itu, aspek pendekatan psikologi dalam komunikasi perlu diambilkira agar konflik berupaya diurus dengan harmoni. Demikianlah kepentingan dapatan analisis keperluan ini bertujuan digunakan sebagai panduan dalam mereka bentuk dan membangunkan model dalam fasa pembangunan model..

## Rujukan

- Cherni Rachmaadani, 2013. “Strategi Komunikasi Dalam Mengatasi Konflik Rumah Tangga Mengenai Perbedaan Tingkat Penghasilan Di Rt.29 Samarinda Seberang. eJournal Ilmu Komunikasi. 1(1), 212-227.
- Fadilah Ismail . 2016. “Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga”. Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke 11 (PERKEM), Vol. 11, 394-399.
- Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah 2013. “Konflik Politik dan Penyelesaiannya menurut Perspektif Islam. Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VI. UiTM Sarawak. University of Malaya>my>repository (20 October 2015)
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1, anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim Melaka, 28-29 Mac.
- Muhammad Nubli Abd Wahab. 2008. Kecemerlangan Pengurusan Organisasi dalam Islam Siri 2. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.



- Nurhanisah & Raihanah. 2016. “Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumahtangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undang- Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor”. *Shariah Journal*. V. 24, No 3 (2016). 393-422.
- S.Ramaraju. 2012. “Psychological Perspectives On Interpersonal Communication”. *Journal of Arts, Science & Commerce*, Vol.– III, Issue–4(2),October 2012[68]
- Richey, R., & Klien, J. (2007). *Design and Development Research: Method, Strategies and ilsues*. London: Erlbaum.
- Saedah, S., Norlidah, A., DeWitt, D., & Zaharah, H. (2013). *Design And Developmental Research: Emergent Trends In Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Farhah, A.A. & Saedah, S. (2015). *Pembangunan Model Objektif Kurikulum Berasaskan Taman Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran Berkhasiat Untuk Sekolah Rendah Orang Asli*. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JUKU)*, 3(3), 1-13.
- Rashidah Rahmat. (2013). *Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih Komsas dalam bahasa Inggeris Tingkatan Empat*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. New York, NY: Springer.
- Reinbold, S. (2013). *Using the ADDIE model in designing library instruction*. *Medical Reference Services Quarterly*, 32(3), 244 – 256.
- Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. (2005). *Principles of instructional design (5th ed.)*. Belmont, CA: Wadsworth.